



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

**Kepada** : Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 13 September 2018

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

**BILANGAN 34 TAHUN 2018**

**SYARAT DUA (2) HARI BERKURSUS SETAHUN UNTUK PENILAIAN  
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 9 Tahun 2016 pada 25 Mac 2016, pihak Ahli Pengurusan Tertinggi telah bersetuju untuk mengurangkan kewajipan hari berkursus dari tujuh (7) hari kepada dua (2) hari sahaja. Walaupun bilangan hari berkursus telah dikurangkan dan notis kursus diberikan awal satu (1) bulan, masih terdapat anggota LGM yang tidak melengkapkan keperluan kursus dua (2) hari tersebut.

3. Oleh itu, penambahbaikan kepada urusan Latihan LGM telah dipersetujui pada Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 22 Tahun 2018 seperti berikut:

- i. Syarat dua (2) hari berkursus setahun dipenuhi sebagai salah satu kriteria untuk penilaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bermula tahun 2018.
- ii. Kehadiran kursus adalah diwajibkan dan tidak diberi pengecualian, kecuali atas sebab kecemasan yang munasabah atau keperluan melaksanakan tugas yang mendesak.
- iii. Anggota perlu mengatur jadual kerja dan urusan peribadi apabila diarahkan hadir berkursus.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

  
**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**

s.k: Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian